

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. TAN SENG GIAW  
(KEPONG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 08.03.2018**

**Y.B. DR. TAN SENG GIAW [ KEPONG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perkembangan sebenar MRT1 dan MRT2

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan untuk Projek MRT Laluan 1 yang menghubungkan Sungai Buloh ke Kajang telah siap dibina sepenuhnya pada 17 Julai 2017.

Bagi MRT Laluan 2 yang menghubungkan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya, pembinaan projek sedang giat dijalankan dan pada masa ini telah mencapai kemajuan 22%.

Sukacita ingin maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kerja pembinaan terowong untuk MRT Laluan 2 baru sahaja dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 1 Mac 2018 di tapak pelancaran Bandar Malaysia Utara.

Antara aktiviti pembinaan yang lain termasuk pembinaan jejambat untuk laluan bertingkat, pembinaan stesen bertingkat, pembinaan depot dan pembinaan stesen bawah tanah.

Fasa Satu MRT Laluan 2 dari Stesen Sungai Buloh sehingga ke Stesen Kampung Batu dijangka akan mula beroperasi pada suku kedua tahun 2021 manakala Fasa Dua dari Stesen Kampung Batu ke Putrajaya Sentral dijangka akan mula beroperasi pada suku kedua tahun 2022.

Sekian, terima kasih.